

## **PEKELILING KEPADA MAHASISWA DIPLOMA BIL.18/2017**

**Semua Mahasiswa Diploma / Kolej Space,**  
Kolej Siswa Jaya,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Kuala Lumpur.

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera*

### **CUTI AKHIR SEMESTER 2 SESI 2016/17**

Sukacita dimaklumkan cuti akhir semester 2 Sesi 2016/17 akan bermula pada **18 Mac 2017 (Sabtu) sehingga 4 Jun 2017 (Ahad)**. Justeru sebelum bercuti, semua mahasiswa dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan berikut :-

#### **A. Kebersihan Bilik dan Keselamatan Hartabenda Persendirian**

##### **Mahasiswa dikehendaki:**

- i) Mengosongkan bilik dan membersihkan bilik masing-masing disamping menyusun dan mengemas perabot-perabot yang ada. **Denda** akan dikenakan sekiranya bilik yang ditinggalkan dalam keadaan kotor dan bersepah.
- ii) Mematikan semua suis di bilik dan menutup paip air di bilik mandi/tandas.
- iii) Mengunci tingkap dan pintu bilik masing-masing.
- iv) Membuang semua sampah sarap yang terdapat di bilik dan bilik air.
- v) Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan sahaja. **(Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik mahasiswa).**
- vi) Memastikan **sanitary bin** dikeluarkan sebelum meninggalkan bilik. **(Penghuni Blok A sahaja).**

#### **B. Pemulangan Kunci Bilik**

- i) Mahasiswa hendaklah memulangkan kunci bilik ke pejabat kolej selewat-lewatnya pada **20 Mac 2017 (Isnin) sebelum jam 5.00 petang**. Mahasiswa yang memulangkan kunci **selepas 20 Mac 2017 (Isnin)** akan dikenakan sewa harian.
- ii) Mahasiswa yang **gagal** memulangkan kunci pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan **denda RM25.00** akan dikenakan disamping membayar sewa mengikut jenis bilik dan jumlah hari sehingga tarikh kunci dipulangkan.

- iii) Kehilangan/kerusakan kunci bilik akan didenda dengan kadar **RM25.00**. Jika terdapat perabot/peralatan yang rosak/hilang disebabkan kecuaiannya, denda dengan kadar tertentu akan dikenakan.
- iv) Pemulangan melalui rakan atau di balai pengawal adalah **dilarang** sama sekali. Denda sebanyak **RM25.00** akan dikenakan sekiranya kunci dipulangkan melalui rakan atau di balai pengawal. Mahasiswa juga dilarang memulangkan kunci bagi pihak rakan.
- v) Untuk kemudahan mahasiswa memulangkan kunci bilik, pejabat akan beroperasi pada tarikh-tarikh berikut :-

Tarikh	Masa
18 Mac 2017 (Sabtu) 19 Mac 2017 (Ahad)	8:00 pg - 5:00 ptg } <b>REHAT</b> 8.00 pg - 5:00 ptg } 1.00 ptg - 2.00 ptg

### C. Permohonan Asrama Semester 1 2017/18

- i) Mahasiswa yang ingin memilih rakan sebilik hendaklah mengisi borang yang boleh didapati di Pejabat Pentadbiran KSJ sebelum cuti bermula.
- ii) **Semua mahasiswa kursus Diploma dikehendaki mengisi Borang Permohonan Kolej HEP-KSJ(S)-001 sebelum pulang bercuti. Sekiranya saudara gagal berbuat demikian mahasiswa berkenaan dianggap tidak tinggal di KSJ pada sesi akan datang.**

### D. Penyimpanan Barang Semasa Cuti

- i) Barang – barang boleh disimpan di stor penyimpanan barang yang telah disediakan dengan bayaran RM3.50 sekotak manakala bayaran RM10.00 untuk 3 kotak serta kotak tambahan seterusnya RM3.50 dan ‘*Sticker*’. Sila buat pembayaran awal sebelum tarikh penyimpanan barang dibuat.

#### Prosedur Penyimpanan:

- i) Mahasiswa dikehendaki mendaftarkan nama di Pejabat Pentadbiran KSJ dan setiap kotak yang hendak disimpan terlebih dahulu dilekatkan dengan ‘*sticker*’ penyimpanan yang telah disediakan oleh pihak pejabat.
- ii) Mahasiswa juga dikehendaki menggunakan kotak bagi memudahkan penyusunan barang di stor. Pejabat tidak menyediakan kotak.
- iii) Pastikan semua kotak disimpan di dalam stor yang telah ditetapkan.
- iv) Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab terhadap kotak yang ditinggalkan di luar stor. Mahasiswa boleh dikenakan denda sebanyak RM25.00 kerana ingkar arahan daripada Pengetua atau wakil.

- v) Adalah diingatkan bahawa pihak kolej tidak dapat melayan sebarang permohonan untuk membuka stor pada sepanjang tempoh cuti tersebut. Justeru, saudara adalah diingatkan untuk membawa balik kesemua dokumen/barang berharga. Pihak kolej juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang/peralatan tersebut.
- vi) **Tiada perkhidmatan penyimpanan barang kepada mahasiswa yang tamat pengajian atau menjalani latihan industri/praktikal.**

**E. Penyewaan Semasa Cuti (TIADA PENYEWAAN)**

- i) Bagi mahasiswa yang ingin menginap di kolej semasa cuti, permohonan saudara tidak akan diterima oleh pihak kolej kerana tiada sebarang penyewaan sepanjang cuti semester.
- ii) **Mahasiswa yang didapati tinggal di Kolej Siswa Jaya tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan dan denda.**

**F. Pemeriksaan Bilik Mahasiswa**

- i) Pemeriksaan bilik akan dijalankan untuk menyemak inventori dan kebersihan atau kerosakan bilik/bilik air. Mahasiswa yang didapati meninggalkan bilik/bilik air dalam keadaan kotor, bersepah, penambahan dan pengalihan perabot atau menghilangkan inventori bilik tindakan denda akan diambil.

**G. Latihan Industri Dan Tamat Pengajian**

- i) Mahasiswa yang tamat pengajian dan menjalani Latihan Industri di luar Kuala Lumpur diminta mengisi Borang Pemakluman Tidak Tinggal Di Asrama di pejabat, bagi mengelakkan nama dimasukkan secara automatik ke dalam AIMS2000 bagi sesi berikutnya.

**H. Jadual Pengambilan Kunci Semester 1 2017/2018**

Tarikh	Masa
3 Jun 2017 (Sabtu)	8:00 pg - 5:00 ptg } <b>REHAT</b> 8:00 pg - 5:00 ptg } 1.00 ptg - 2.00 ptg
4 Jun 2017 (Ahad)	

**Prosedur Pengambilan Kunci Bilik :**

- i) Sila bawa dua keping gambar berukuran passport.
- ii) Pembayaran sebanyak RM25.00 untuk pembelian T-Shirt.
- iii) Tarikh mengambil kunci bilik ialah pada **3 Jun 2017 (Sabtu)** dengan bayaran sewaan **RM4.00** bagi mahasiswa **Diploma Perdana** manakala bagi mahasiswa **Diploma PUPW** adalah **RM8.00** dan pada **4 Jun 2017 (Ahad) tanpa bayaran.**
- iv) Surat tunjuk sebab perlu dikemukakan kepada Pengetua sekiranya lewat mengambil kunci bagi mengelakkan sebarang denda dikenakan.

**i) Hal-hal Lain**

- i) Mahasiswa yang meninggalkan basikal rosak di persekitaran blok dikehendaki membawa pulang basikal tersebut. Sekiranya tidak berbuat demikian, basikal tersebut dianggap tiada pemilik dan pihak Kolej akan melupuskan/membaikpulih bagi kegunaan mahasiswa lain pada semester akan datang.
- ii) Mahasiswa yang mendiami asrama semasa cuti masih tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak universiti.

Semua mahasiswa Diploma dikehendaki mematuhi segala peraturan di atas bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesulitan dimasa akan datang.

**'SELAMAT MENGHADAPI PEPERIKSAAN DAN SELAMAT BERCUTI'**

***"Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah"***

Yang benar,

**PROF. MADYA DR. AMINUDIN HAJI ABU**

Pengetua  
Kolej Siswa Jaya  
UTM Kuala Lumpur.  
b/p Pengarah Kampus  
☎03-26154117

- s.k - ☞ Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni)  
Universiti Teknologi Malaysia  
Johor Bahru.
- ☞ Pengarah Kampus  
Pejabat Pengarah Kampus
- ☞ Pengarah (Pembangunan Mahasiswa)  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni
- ☞ Timbalan Dekan  
Pusat Pengajian Diploma, SPACE
- ☞ Timbalan Pengarah Kerja  
Pejabat Harta Bina
- ☞ Pegawai Keselamatan Kanan  
Unit Keselamatan
- ☞ Felo-Felo Kolej Siswa Jaya
- ☞ Majlis Perwakilan Mahasiswa UTM
- ☞ JKM Kolej Siswa Jaya
- ☞ Pengusaha-Pengusaha Kafeteria/Minimart KSJ
- ☞ Kontraktor Pembersihan KSJ